

**Sejarah Linggi**  
**Penubuhan Soalan Adat**

**Oleh**

**Jamilah Baron**

JABATAN SEJARAH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

\*\*\*\*\*

NAMA : JAMILAH BARON (9902)  
KURSUS : ME 3173  
TAHUN : TIGA SESI 1983/84  
PEMBIMBING : EN. NADZAN HARUN

\*\*\*\*\*

JABATAN SEJARAH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN SEJARAH,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,  
BANGI, SELANGOR

**SENARAI KANDUNGAN RAKAMAN**

**TAPE (1)**

PENGKESAH : DATUK ZAHARIN BIN HJ. MAULUD  
ALAMAT : KAMPUNG PENGKALAN DURIAN, LINGGI  
PEKERJAAN : BERNIAGA  
TARIKH WAWANCARA : 1 APRIL 1984 JAM : 11 PAGI  
JANGKAMSA : 11/4 JAM SESSI : PERTAMA  
TEMPAT : 15/5 SETAPAK JAYA KUALA LUMPUR  
TAJUK WAWANCARA : SEJARAH LINGGI : PENUBUHAN,  
PERSOALAN ADAT DAN SISTEM POLITIK  
PENDUDUKNYA PADA PERSEKITARAN  
ABAD KE 19 HINGGA ABAD INI  
INTERVIEWER : JAMILAH BARON  
ORANG LAIN YANG HADIR : DAUD HASSAN

---

**MIN**

- 1) Bila tarikh sebenar Kampung Linggi ini telah dibuka?
- 2) Siapakah yang mula-mula membuka Kampung Linggi ini?
- 3) Kenapa kampung ini dinamakan Kampung Linggi?
- 4) Bagaimana kampung ini mampu mewujudkan sebuah penempatan yang diiktiraf oleh Sungai Ujung dan Rembau?

**PERSOALAN ADAT**

- 1) Bagaimana kedudukan sistem adat Linggi yang sebenar?
- 2) Bagaimana hal pembahagian pusaka dan penyelesaian masalah?
- 3) Bagaimana pula dari sudut pertuturan dan gaya hidup?

- 4) Bagaimana kedudukan beribu ke Rembau dan berpapak ke Sungai Ujong?

## **SISTEM POLITIK**

- 1) Huraian bagaimana adat boleh mewujudkan institusi yang tersendiri?
- 2) Kedudukan institusi politik Linggi dan fungsi tiap-tiap satu.
- 3) Cara pelantikan orang-orang besar di Linggi.
- 4) Bagaimana gelaran Datuk Linggi bertukar kepada Datuk Muda Linggi?
- 5) Huraian tentang kontroversi kedudukan Datuk Muda Linggi pada hari ini yang sedang diperjuangkan.
- 6) Kedudukan masyarakat di Linggi masa kini tentang sistem yang sedia ada.



- Jamilah : Assalamualaikum Datuk.
- Zaharin : Waalaikummussalam.
- Jamilah : Saya Jamilah Barn, sedang menjalankan kajian dokumentasi sejarah lisan bertajuk Sejarah Linggi: Penubuhan, Persoalan Adat dan Sistem Politik Penduduknya Pada Persekitaran Abad Ke 19 Hingga Abad Ini. Segala maklumat ini diperolehi secara temubual bersama Datuk Muda Zaharin bin Hj. Maulud, Datuk Muda Linggi, di rumahnya di Setapak Jaya, Kuala Lumpur, pada 1 April 1984, jam 11 pagi.
- Jamilah : Datuk.
- Zaharin : Ya.
- Jamilah : Saya dapati terdapat percanggahan mengenai tarikh penubuhan Kampung Linggi ini. Ada yang secara amnya membuat kesimpulan, kampung ini telah dibuka pada tahun Masihi 1800. Wilkinson mengatakan tahun 1775, Gullik dan Winsted masing-masing mengatakan pada tahun 1783 dan 1798. Jadi saya ingin meminta penjelasan dari Datuk, bila tarikh sebenar Kampung Linggi ini dibuka dan siapa yang mula-mula membukanya?
- Zaharin : Mengikut setahu saya, berdasarkan kepada salasilah Sungai Ujong yang ada kepada saya, Kampung Linggi ini mula dibuka pada 1796 iaitu pada Hijrah 1214. Ini tercatat dalam Teromba Sungai Ujong yang ada pada saya. Walau macam mana pun kalau mengikut Wilkinson, Gullik tidak juga berapa jauh percanggahan, boleh juga dipakai walaupun mungkin tidak begitu tepat tapi dalam lingkungan kawasan masa itu juga. Kalau dibandingkan tidak jauh bezanya,

jadi boleh dipakai salah satu darinya. Tetapi yang lebih tepat eloklah kita pakai kita punya sendiri. Usah kita pakai orang punya.

- Jamilah : Boleh Datuk terangka siapa yang mula-mula membuka Kampung Linggi ini?
- Zaharin : Dalam sejarah yang ada tercatat, mengikut apa yang tersimpan pada saya, iaitu Teromba Sungai Ujong, orang yang mula-mula membuka Linggi ialah bernama Datuk Dolman dan dua tiga orang adik-beradiknya, iaitu lebih kurang pada tahun itu tadilah, tetapi pada masa itu, belum dibuka betul. Maknanya Lebai Dolman ini dia dua kali datang. Datang kali pertama dia bukan jadi, dia balik ke Rembau balik, kemudian kali keduanya, baru Kampung Linggi itu terbuka betul. Jadi sekarang ini, kesimpulannya, boleh saya mengatakan bahawa, ia mula dibuka pada tahun yang saya sebutkan tadi dan dibuka oleh Datuk Lebai Dolman iaitu cucu kepada Tok Serilah.
- Jamilah : Ada setengah pendapat mengatakan Lebai Dolman yang mula-mula membuka Kampung Linggi ini dan bukannya Datuk Awaluddin dan Tok Serilah, boleh Datuk berikan pengukuran perkara ini?
- Zaharin : Dalam apa yang saya tahu, maknanya Datuk Awaluddin dan Tok Serilah ialah dua orang adik-beradik, yang datang dari Riau. Mula-mula sekali, tempat yang dituju bukanlah Linggi, dia datang ke Penajis Rembau. Jadi maksudnya, walaupun dia datang ke Penajis Rembau, dia tentu melalui Sungai Linggi. Kemungkinan, maknanya dengan tidak secara langsung apabila dia lalu, dia mengetahui tempat itu masih belum dibuka. Dia yang sebenarnya terus ke Penajis Rembau, duduk dan bermastautin di sana dan pula dia ada bersemenda menyemenda dengan orang Rembau itu sendiri.

Jadi pada pendapat saya, mungkin bukanlah Datuk Awaluddin yang membuka Linggi.

Jamilah : Kemudian didapati bahawa Datuk Lebai Dolman kemudiannya telah menyerahkan jawatan Penghulu Linggi kepada Datuk Jeragan Abdul Rahman. Boleh Datuk terangkan mengapa beliau berbuat demikian?

Zaharin : Datuk Lebai Dolman ini maksud saya, yang menjadi Penghulu Linggi yang pertama itu, umurnya sudah agak lanjut sedikit. Mungkin dia kurang berkemampuan, kurang berwibawa untuk menjadi seorang pemimpin. Maka didapati Datuk Jeragan Abdul Rahman ini, iaitu anak Datuk Awaluddin yang dikatakan jeragan itu mungkin seorang kapten. Jeragan Abdul Rahman biasanya dia berulang-alik, dia belayar antara Riau dan Linggi.

Jadi dipandangkan kepada kedudukan Jeragan Abdul Rahman sebagai kapten, mempunyai kewibawaan, kebolehan mengendalikan angkatan, mungkin kapal atau tongkang-tongkang Bugis, maklumlah orang melayu dan pula dia anak Datuk Awaluddin sendiri, maka tertumpulah perhatian Datuk Dolman ini untuk menyerahkan jawatannya kepada Jeragan Abdul Rahman sebagai Penghulu Linggi. Kalau tidak silap saya, Datuk Dolman ini Cuma tiga tahun sahaja dia menjadi Penghulu Linggi. Kemudian diserahkan kepada Jeragan Abdul Rahman. Jadilah Jeragan Abdul Rahman Penghulu Linggi yang kedua dalam kita punya sejarah.

Jamilah : Datuk, apakah faktor yang telah mendorong mereka ini untuk membuka sebuah penempatan baru di Linggi? Adakah disebabkan mereka tidak suka Adat Perpatih atau bagaimana perkara yang sebenarnya?

Zaharin : Maksud saya, dia membuka Linggi itu maknanya perancangan dia, hendak membuka tempat dekat Linggi itu, bukanlah semasa mereka-mereka itu berada di Riau. Maknanya tertumpu untuk membuka tempat dekat Linggi itu, sesudah kumpulan ini berada di Rembau.

Jadi, Datuk Awaluddin dan Tok Serilah ini dengan anak-anak buahnya terus ke Penajis bermastautin di Penajis. Apabila bermastautin di Penajis tidak sesuai dengan keadaan, dan juga mengenai adat-adat Rembau itu. Walau bagaimanapun dia terpaksa berfikir bahawa keluarga-keluarganya sendiri sudah semenda menyemenda dengan orang-orang Rembau. Jadi, memikirkan hal bukan dari segi itu saja, mungkin memandangkan Linggi itu satu tempat yang strategic, untuk dia bertempat, maklumlah kualala, tempat orang lalu lalang, tempat memungut cukai dan dikatakan juga pada masa itu di situlah tempat dagang berhenti. Adalah satu masalah baik bagi di kalau dibuka, tentunya mendatangkan faedah yang banyak.

Jamilah : Boleh Datuk ceritakan kenapa kampung ini dinamakan Kampung Linggi?

Zaharin : Mengikut sejarah yang saya tahu, ini kata orang tua-tua dan kata orang tua-tua ini pun saya tidak mendengar, tapi ada manuskrip-manuskrip orang-orang tua Linggi yang saya dapati mengatakan bahawa, asal nama Linggi itu, apabila Datuk Dolman mudik ke Linggi, ada satu anak sungai, iaitu Sungai Kecil selain dari Sungai Linggi, yang dinamakan Sungai Kundang jadi dia mendarat di tempat itu. Apabila dia ke hulu, didapati satu alat dikatakan linggi-linggi perahu, saya pun hari ini tidak begitu cam, tapi alat iut yang dikatakan linggi-linggi perahu didapati dijumpai di situ, jadi linggi-

linggi, berganda lalu dipanggil linggi sahaja. Jadi itulah yang saya tahu. Ataupun mungkin ada yang separuh mengatakan pula Lingga, Lingga itu maknanya ialah orang-orang Bugis di pulau-pulau Lingga, tetapi itu saya tidak mendapat kepastian, ada juga saya mendengar berita itu.

Jamilah : Berapa ramai agaknya bilangan kumpulan awal yang telah membuka Linggi ini dan apakah aktiviti ekonomi mula-mula yang mendorong mereka untuk membuka Linggi?

Zaharin : Jadi begini, kalau ditengokkan Datuk Dolman yang membuka Linggi, itu Cuma dua, tiga keluarga sahaja, tidak ramai, dua tiga keluarga itu yang setuju. Saya rasa di cuba meneroka dekat Linggi. Apa yang disoal tadi?

Jamilah : Aktiviti sosial yang mendorong mereka.

Zaharin : Aktiviti sosial itu, maknanya seperti saya katakan tadi kuala, dia ada dua simpang, satu ke Rembau dan satu ke Sungai Ujong. Dia fikir di sebalik itu ada juga tujuan-tujuan lain seperti tujuan ekonomi dan juga saya katakan tadi, tempat antara dua simpang.

Jamilah : Bagaimana pula selesainya pergolakan yang berlaku terhadap kampung ini, sehingga ianya telah diberikan satu bentuk pengiktirafan sebagai wilayah yang halal oleh Sungai Ujong dan Rembau pada ketika itu?

Zaharin : Begini, yang sebenarnya Linggi ini, saya sendiri pun sudah menyusun satu dokumen dia. Kita sebagai orang beradat, kedudukan Linggi itu sendiri dia maknanya tidak bulat-bulat mengikut Adat Temenggong dan tidak juga rasa saya, bulat-bulat

mengikut Adat Perpatih sebab keadaan itu tadi. Dia mula-mula bertapak di Rembau dan semenda menyemenda dengan orang Rembau, jadi pada saya, saya susunkan istilah untuk panduan ada dikatakan, asal usulnya dari Riau.

Berhijrah keluarga Datuk Awaluddin, duduk bersemenda di Luak Rembau, di daerah Penajis mula bermastautin, dari Rembau berpindah ke Linggi, dari pinggir kota Luar Semujong, di antara Tampin dengan Permatang. Tampin itu maknanya Tampin Linggi. Permatang itu, Permatang pasir. Selengkar kawasan tanah diberi, diberi tanah itu, maknanya dibenarkan oleh Undang Rembau dan Undang Sungai Ujong dan masing-masing mempunyai kepentingan. Satu ke Rembau sungai itu, satu de Sungai Ujong, jadi dua Datuk Undang ini, maknanya mempunyai Luak.

Selengkar kawasan tanah diberi,  
Dipijak bumi langit dijunjung  
Sebab mestilah mengikut di atas dua,  
Sebabnya kita orang mendatang,  
Sebab itulah dalam istilah saya,  
Darah bercampur Minangkabau dan Bugis,  
Orang Linggi itu, sebenarnya darah bercampur,  
Pasal dia sudah semenda menyemenda.

Luak Semujong tempat naungan, tapi hingga ke hari ini dia tertakluk ke Sungai Ujong, tempat bernaung ke Sungai Ujong, adat kahwin tanpa gangguan, ini satu masalah kerana kalau Adat Perpatih, dia tidak boleh kahwin sewaris, tapi orang Linggi dia boleh kahwin sewaris. Kata Tok Kelana pada masa itu, dibenarkanlah keturunan Rembau, bolehlah duduk di Linggi, pasal dia hendak menantu kahwin sewaris di Linggi itu, kerana air

sungainya masin dengan tawar bercampur. Jadi istilah masin tawar maknanya boleh ikut sedikit Perpatih dan boleh ikut sedikit Temenggong.

Jadi orang Linggi itu dia boleh kahwin sewaris tidak macam orang Rembau, Perpatih, dari satu segi adat untuk pusaka mengikut Perpatih pula. Macam pusaka Datuk Linggi ini, mengikut sebelah saluran ibu.

Jamilah : Datuk kemudiannya orang Linggi telah mengasaskan satu bentuk sistem sosial dan adat yang tersendiri yang dinamakan Adat Linggi, iaitu berada dalam lingkungan Adat Temenggong dan terkeluar dari lingkungan Adat Perpatih. Boleh Datuk terangkan bagaimana kedudukan sistem Adat Linggi ini?

Zaharin : Itulah sebagaimana yang saya katakan tadi, maknanya orang Linggi iut, tidak terkeluar daripada Adat Perpatih. Walaupun Linggi itu tertakluk ke Sungai Ujong, tapi Linggi ini ada kata perbilang.

Beribu ke Rembau berpapak ke Sungai Ujong, dengan keadaan begini maknanya, dia itu sedikit sebanyak ada mencontohi Adat Perpatih. Walau bagaimanapun tersendiri adat-adat itu, saya sambung lagi dikatakan.

Selengkar kawasan tanah diberi,  
Dipijak bumi langit dijunjung,  
Sebab sifatnya kita orang mendatang,  
Darah bercampur Minangkabau dan Bugis,  
Luak Sungai Ujong tempat naungan,  
Adat kahwin tanpa gangguan.

Istilah telah diatur, dibahagi kepada kita istilah, Linggi itu berwaris, ada waris dia, pemilihan ketua telah ditentukan, pusaka bergilir mengikut aturan, ini mengikut Perpatih. Sistem berperut seolah-olah dilaksanakan. Sejak dari gelaran pertama, masa Mohd Kattas diberi gelaran Datuk Muda, dia kata Temenggong pun bukan Perpatih pun bukan, tidak bersuku atau berlembaga, orang Linggi tidak bersuku tidak berlembaga. Demikianlah istimewanya adat tercipta. Itulah istimewa sedikit Adat di Linggi, tersendiri adat dia.

Jamilah : Kemudian apakah isi terpenting yang termaktub dalam Adat Linggi ini yang terpaksa dipatuhi oleh semua:

Zaharin : Adat Linggi itu saya katakan tadi, yang terpenting, sistem dia itu maknanya, sistem di Linggi, tidak Perpatih dan tidak Temenggong, tetapi tertakluk atas dua tuan. Kalau pusaka ikut syarak, tidak macam Rembau. Maknanya kalau harta ikut syarak, hanya gelaran harta pusaka Datuk Muda itu saja yang terpaksa mengikut ke Perpatih, pasal dia boleh berebut, tetapi kalau sudah ada perut ditentukan, dia tidak berebut, walau bagaimanapun diberikan kepada perut dia balik, jadi kurangnya pergolakan untuk dapat menerima jawatan itu.

Jamilah : Jadi, bagaimana pula penyelesaian persoalan pusaka dalam sistem ini?

Zaharin : Sudah saya sebutkan tadi, pusaka kita terpaksa Temenggong, ikut syarak, jadi Linggi ini maknanya boleh kahwin sewaris, maknanya tidak menyalahi daripada hukum syarak, tetapi Rembau ada sedikit perbezaan. Jadi itu perkara yang banyak diperbincangkan, pasal apa kita Adat bersendikan Hukum, Hukum bersendikan Kitabullah, syarak mengata Adat menurut, sepatutnya adat mesti ikut syarak,



itu istimewanya keadaan Adat Linggi.

Jamilah : Boleh Datuk terangkan bagaimana persoalan adat lain seperti semenda menyemenda, adat perlantikan Datuk-Datuk Muda dan perkahwinan, menerima anak dan masalah-masalah seperti penyelesaian harta pusaka, misal kata seseorang keluarga itu meninggalkan anak perempuan anak lelaki. Siapa yang memonopoli harta itu, menerima harta pusaka?

Zaharin : Ini mengikut peraturan syarak kit, tidak ada mengikut peraturan Adat Rembau, tidak ada kata lebih perempuan tidak terang saya katakan tadi, istimewa Adat Linggi itu tadi, ikut syarak, jadi maknanya mengikut Temenggong.

Jamilah : Tentang semenda menyemenda itu?

Zaharin : Semenda menyemenda saya katakan, orang Linggi itu dia boleh kahwin sewaris macam orang Rembau, dia ada suku, orang Linggi tidak ada suku, di Rembau itu ada suku, macam orang yang satu suku dia tidak boleh kahwin di Rembau tapi di Linggi itu tidak. Semenda menyemenda maknanya orang Linggi itu dia boleh kahwin sewaris.

Jamilah : Pelantikan Datuk-Datuk Muda?

Zaharin : Tentang pelantikan Datuk-Datuk Muda yang jadi sulit sikit, tapi maklumlah orang Linggi ini dia tertakluk di bawah Sungai Ujong, jadi sebagaimana yang saya katakan tadi, dia mestilah mengikut sistem Adat Sungai Ujong, mesti tertakluk di bawah itu. Di mana bumi dipijak di sana langit dijunjungkan, di mana negeri ditunggu di situ adat dipakai.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan tadi dia mesti tertakluk, pasal perlantikan, pengesahan, keputusan dibuat oleh Datuk Kelana sendiri, siapa bakal menjadi Datuk Muda, bila sudah dipilih oleh waris sudah ditentukan giliran dia, pengesahan diberi oleh Datuk Kelana, Datuk Kelana yang mengesahkan dia sebagai Datuk Muda, jadi sistem dia itu ikut sistem berperut, sebelah apa sebelah ibu, pasal apa kalau ikut sistem-sistem ini benda itu kuranglah sedikit, perebutan maknanya sudah ada peraturan-peraturan dia.

Apa yang dibuat baru-baru ini orang hendak melanggar peraturan itu, jadi apabila melanggar peraturan itu, bergolaklah. Pada satu masa, satu ketika terbenam pusaka Datuk Muda Linggi selama dua puluh tahun, semasa Datuk Muda Mohd. Bustam. Dia satu peraturan, jangan rebut peraturan ini, sistem ini sudah ada, ikut peraturan, dia kata, Pusaka bergelar pakaian waris, dia ada kata perbilangan.

Besar keturunan pakaian raja-raja,  
Pusaka bergeler pakaian waris,  
Maknanya geler itu  
Kalau dah perut ini,  
Orang yang pertama,  
Besok beri perut pula,  
Macam sistem sultan Perak,  
Dia bergeler-geler,  
Menyandang pusaka.

Jamilah : Andainya ada satu persoalan adat seperti cara menyelesaikan harta pusaka, siapakah biasanya yang membuat keputusan dan menjadi rujukan kepada penduduk kampung itu?

Zaharin : Sebenarnya kita orang Linggi itu, saya katakan lebih ke syarak. Jadi dalam pentadbiran tentang satu-satu tempat macam wilayah, kita ada orang adat, yang mengetahui sebagai ketua adat. Maknanya ketua ugama, kita ada juga pegawai syarak, tentang benda yang bersifat syarak kita rujukan kepada tok-tok imam. Dia mesti ikut syarak, sebab itu dalam majlis kita itu dihadiri oleh ketua adat dan ketua ugama, sebab adat dan ugama itu seiringan, sebab kita ada,

Adat bersendikan hukum,  
Hukum bersendika Kitabullah.

Walaupun keperpatihan tetapi di Rembau,

Adat bersendikah Hukum,  
Hukum bersendikan Kitabullah.  
Adat itu tidak dirai Kitabullah,

Itu sahaja sedikit kelemahan orang Rembau mengenai peraturan Adat Perpatih yang saya nampak. Tapi kita ini,

Adat bersendikan Hukum,  
Hukum bersendikan Kitabullah.

Bila Kitabullah, kit ikut Kitabullah, syarak pusaka, ikut Kitabullah.

Jamilah : Kemudian wilayah Linggi telah diberikan status beremak ke Rembau berpapak ke Sungai Ujong. Boleh Datuk terangkan kedudukan perkara ini?

Zaharin : Status itu pada masa dahulu, masa Dauk Muda Mohd Kattas

memerintah, lepas itu dia bertukar, maknanya terputus sistem itu. Maknanya dia berpapak ke Kelana beribu ke Bandar, pasal masa itu ada sedikit pertelingkahan, perselisihan antar Rembau dan Sungai Ujong, jadi maknanya orang Linggi ini juga terlibat. Pasal kawasan itu walau pun Linggi itu beremak ke Rembau berpapak ke Sungai Ujong dia sudah lebih ke Sungai Ujong, kawasan diatur sudah tinggal Rembau. Maknanya Sungai Linggi yang dia duduk itu sudah bulat-bulat kawasan Sungai Ujong, jadi terputus perkataan mengatakan beribu ke Rembau berpapak ke Sungai, sebab dia sudah betul-betul duduk di kawasan Sungai Ujong. Sebab itu pada satu masa berperang antara Sungai Ujong dan Linggi terpaksa Datuk Muda Linggi menyebelah Datuk Sungai Ujong berperang dengan Datuk Rembau.

Jamilah : Boleh Datuk terangkan sistem social atau (batuk) keperibadian orang Linggi ini terutama dari segi gaya hidup, gaya percakapan dan kegemaran?

Zaharin : Gaya hidup orang Linggi pada hari ini, boleh dengar cakap saya ini dialek telor, cakap dia itu tidak macam Sungai Ujong betuk, tidak ada macam Rembau betul, dia sudah ada bercampur, kalau tidak percaya pergilah sebelah Batang Pasir, dengan dialek cakupnya.

Jamilah : Gaya percakapan, gaya hidup, kegemaran.

Zaharin : Jadi gaya hidup itu lain, sikit pada orang Rembau. Pasal dulu orang Rembau, untuk dia mendapat rezeki hidup, ekonomi dia bersawah padi, tetapi di Linggi kerana padi tidak menjadi, dia lain sikit, dia mengharap ke sungai untuk mendapat hasil tangkapan ikan. Kemudian cara-cara lain mungkin dikatakan juga oleh kerana dia asal orang Bugis, dia legih ke laut, dia lebih kehidupan ke air dan

boleh belayar.

Jamilah : Kemudian dikatakan bahawa adat itu boleh mewujudkan institusi, boleh Datuk terangkan macam mana kedudukan perkara ini?

Zaharin : Betul, saya akui memang adat itu boleh menegakkan satu institusi. Jadi institusi itu satu macam, boleh dikatakan satu badan. Jadi sekarang begini, adat itu yang sebenarnya peraturan, pentadbiran memerintah sebab itu dalam perbilangan adat itu sendiri, iaitu berdasarkan pada Adat Perpatih asal dikata:

Adat bertentu bilangan beratur,  
Berjinjang naik bertangga turun,  
Naik di jinjang bawah turun di tangga yang atas,

Manusia ini berperingkat-peringkat,  
Kita kecil dan besar,  
Besar dan bergelar  
Dan tua tempat bertanya

Jadi ada peraturan memerintah, dikata memerintah itu mesti adil,  
dia kata:

Hukum adil berkata benar,  
Tidak ada berpihak-pihak,  
Hukum adil dijalankan yang benar,  
Dianyak tidak,  
Hukum berdiri dengan saksi,  
Adat berdiri dengan tanda.

Walaupun ini maknanya perbilangan Perpatih tetapi orang yang

duduk di situ, boleh mengambil sebagai lunas untuk memerintah.  
Cara pentadbiran bir dia sesuai.  
Tiada kusut yang tidak dapat diselesaikan,  
Tiada keruh yang tidak dapat dijernihkan,  
Susut rambut cari minyak dan sikat,  
Susut benang cari hujung dan pangkal.

Boleh diselesaikan InsyaAllah, berpandukan pada adat, pasal adat  
ini dia muafakat, ikut pula,

Bulat daya kerana pembentung,  
Bulat kata kerana muafakat.

Jadi terpaksa, kita ikut sebagai panduan, walaupun kalau ikut  
adat Temenggong itu sendiri ada perbilangan Adat Temenggong  
dalam buku Za'ba. Buku Za'ba ada menuliskan dikata dalam Adat  
Temenggong.

Siapa menjala siapa terjun,  
Siapa bersalah siapa bertimbang,  
Siapa berhutang siapa membayar,  
Siapa membunuh siapa kena bunuh.

Tapi kalau difikir, Temeggong Perpatih pun dari tempat sama yang  
daripada Minang juga. Datuk Ketemeggungan dan Datuk  
Keperpatih Nan Sebatang dua-dua ini adalah orang dua beradik,  
satu ibu lain bapak, jadi Datuk Temeggung ini mengikut peraturan  
dia sendiri, dan Datuk Perpatih mengikut peraturan sendiri.  
Temeggung ini berdasarkan secara atokrasi daripada atas,  
magnanya keras sedikit, hokum raja, "bunuh, bunuh", tapi Perpatih  
tidak Perpatih berdasarkan rakyat, dia kata:

Bulat anak buah menjadikan Buapak,  
Bulat Buapak menjadikan Lembaga,  
Bulat Lembaga menjadikan Undang.

Ada demokrasi pula dalam Adat Perpatih, kalau disiasat selidik lebih baik dari demokrasi barat.

Jamilah : Jadi, sebaik saja Kampung Linggi ini wujud satu sistem politik telah ditubuhkan ianya dikatakan berbeza dengan institusi politik Negeri Sembilan.

Zaharin : Politik itu maknanya peraturan memerintah. Cara pemerintahan orang Linggi mengikut seakan-akan Perpatih, tetapi tidak bulat-bulat perpatih. Pentadbiran, pemerintahan, tidak juga bulat-bulat Temenggong, tetapi ada sistem-sistem Perpatih yang agak munasabah, dilaksanakan. Begitulah cerita sistem politik Linggi.

Jamilah : Maksud saya, galurkan institusi politik di Linggi daripada siapa yang besar, siapa yang kecil.

Zaharin : Pada Datuk Muda, kalau pergi pada Perdana Menteri, dia Timbalan Perdana Menteri. Datuk Panglima Perang, perkataan perang itu mungkin boleh diistilahkan pertahanan angkatan laut pula untuk menjaga mungkin kualanya, di wilayah Linggi itu. Lepas itu Datuk-Datuk lain umpamanya. Datuk-Datuk yang kecil-kecil sedikit seperti Datuk Kanda, Datuk Panglima Jaya, Datuk Bentra Setia, ada juga tugas dia masing-masing dan dikhaskan pada tempat dia masing-masing. Maknanya ada wilayah macam Datuk Panglima Jaya, Permatang Pasir. Walau bagaimanapun Kampung Permatang

Pasir di bawah Linggi. Macam Pengkalan Durian ada satu lagi datuk, walau pun nama dia Pengkalan Durian jadi dia di bawah Linggi, ada satu Datuk yang mentadbirkannya pula, dikatakan Datuk Bentara Setia.

Jamilah : Bagaimana pula sistem perlantikan Datuk-Datuk atau orang besar di Linggi itu?

Zaharin : Inilah yang menjadi masalah, ada yang mengatakan, macam Tan Sri Datuk Dr Mohd. Said, dalam tesis yang ditulis oleh salah seorang juga penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dia Temenggong tapi yang sebenar, tidak, sebab saya katakan tidak, Datuk Muda yang pertama yang bergelar Datuk Muda ialah Mohd. Kattas dilantik seakan-akan macam sistem pertua, kerana Datuk Muda Mohd. Kattas sendiri bapak dia Paduka Raja, Penghulu Rembau, dia orang Linggi, maka dia anak Datuk Awaluddin yang mak dia bernama kalau tak salah saya Rahimah, jadi pusaka seolah-olah macam sebelah ibu, tapi mungkin dengan tidak secara langsung berlaku pada masa itu, tapi tidak ada satu orang Datuk Muda yang bapak dia bulat-bulat, betul-betul orang Linggi. Dalam sejarah Linggi hari ini tidak ada satu Datuk Muda Linggi yang bapak dia betul-betul orang Linggi.

Jamilah : Kemudian, boleh Datuk terangkan mengapa dibuat institusi politik seperti itu? Apa tujuan-tujuan dia?

Zaharin : Mungkin tujuan yang pertama tadi hendak mengelakkan daripada perebutan, jadi mengikut sejarah yang saya tahu, sejak dari Datuk Muda Mohd. Kattas, Hj. Mohd. Salleh, langsung tidak berebut, terus kepada Datuk Mohd. Perang pun tidak berebut, tapi dalam masa Datuk Muda Mohd Perang benda itu sudah mula terjadi,



maknanya mungkin masyarakat orang Linggi itu sudah berkembang sedikit, mungkin sudah jauh jarak antara satu perut dengan satu perut. Mungkin orang sudah ramai, inilah punca perebutan.

Jadi, walau macam manapun perlantikan Datuk Muda Mohd. Perang ini pun berdasarkan sistem belah itu, tetapi dalam Tan Sri Datuk Mohd. Said mengatakan dia, bapak Datuk Muda Mohd Perang adalah Datuk Mud Haji Mohd Salleh. Maksud Tan Sri Datuk Mohd. Said mengatakan Datuk Muda anak Datuk Muda, tapi anak yang mempusakai jawatan Datuk Muda, bukan mengikut daripada sebelah bapa dia, ibu dia Halimatus Saadiah adalah waris sebelah ibu, dia sama-sama berhak menerima pusaka, macam mana juga Fatimah. Fatimah maknanya anak dia yang menjadi Datuk Muda. Fatimah anak Datuk Awaluddin, anak dia menjadi Datuk Muda, Datuk Mohd. Kattas, jadi Rahimah yang pertama, anak dia, Haji Mohd Salleh, kemudian Halimatus Saadiah Mohd. Perang. Jadi Halimatus Saadiah pasal suami dia Datuk Muda Raja Mohd. Salleh, jadi anak dia Mohd. Perang, jadi maknanya, bapak Datuk Muda anak Datuk Muda. Jadi Datuk Muda yang mengatakan bapak Datuk Muda, anak Datuk Muda, bukanlah dia menerima pusaka daripada bapa, pasal dia ini maknanya daripada saluran ibu, daripada Halimatus Saadiah, jadi sistem itu sistem pertua juga hingga ke saat saya di Linggi tidak satu pun Datuk Muda yang menerima puasaka daripada bapa, semua daripada ibu.

Jadi, bercanggahlah dengan pendapat Tan Sri Datuk Dr Mohd. Said yang menentang mengatakan hendak itu dikuatkuasakan oleh Datuk Kelana Makmur tahun tiga puluh dua. Walhal sebelum tahun tiga puluh dua, benda ini sudah berjalan.

Jamilah : Jadi, Adat Linggi ini menggunakan konsep waris yang berbeza

dengan konsep waris Adat Perpatih iaitu berdasarkan kepada ibunya saja dilanjutkan kepada ibunya waris, bapanya waris dan anaknya waris. Boleh Datuk terangkan perkara ini?

Zaharin : Mengikut apa yang berlaku dan masih berlaku dan tetap berlaku, maknanya kewarisan itu di sebelah ibu di Linggi. Jadi maknanya bapa itu tidak di kira, sebab saya katakan begitu, Datuk Muda Mohd Bustam bapa dia Haji Madinah, mungkin orang Jawa. Perkataan Madinah, Haji Madinah.

Datuk Muda Mohd Kattas, bapa dia Paduka Raja Penghulu Rembau, Datuk Muda Haji Mohd Salleh, bapa dia Haji Amil anak Datuk Shah Bandar Rembau, hingga satu orang lagi, Sayid Ahmad, bapa dia sayid, maknanya tidak ada kuasa di sebelah bapa. Jadi Sayid Ahmad menjadi Datuk Muda Linggi. Itu saya punya point, untuk menegakkan hujah saya, tidak ada satu orang pun orang Linggi itu yang wajib daripada sebelah bapa, tidak dipentingkan bapa yang sesudah ini dan terus ke hari ini, tak ada satu pun Datuk Muda di Linggi itu bapa dia waris Linggi.

Jamilah : Datuk, bagaimana kisah ceritanya nama jawatan Datuk Linggi itu bertukar kepada Datuk Muda Linggi?

Zaharin : Ini kalau tidak salah saya, dan kalau tidak silap saya, saya pun maknanya mendengar kata orang tua-tua. Ini pula ada manuskrip-manuskrip orang tua-tua yang saya rujuk, jadi pada masa Penghulu Jeragan Abdul Rahman dia sudah tua, untuk menjalankan tugas ini.

Oleh itu, Tok Penghulu Jeragan Abdul Rahman, tetapi yang menjalankan tugas dipanggilnya Mohd. Kattas, pasal Mohd Kattas ini mungkin orang baru, mungkin orang ada wibawa, mungkin dia

seorang yang muda, boleh menjalankan tugas jadi diambil Mohd Kattas oleh Datuk Jeraga Abdul Rahman untuk menjalankan tugas, tapi Datuk Jeragan Abdul Rahman masih ada lagi.

Bila orang-orang Linggi mengikut cerita itu tadi, hendak membuat satu-satu pertimbangan, untuk membuat satu-satu perkara, maka kata Datuk Jeragan Abdul Rahman, pergi rujuk kepada Datuk Kattas jadi oleh kerana imbangan tua dan muda ada perkataan kata “Datuk Tuake, Datuk Muda”, kalau dia kata Datuk Muda Katta. Itu kalau tidak salah saya mulanya perkataan Datuk Muda itu digunakan. Dan pula mengikut satu lagi, dalam Sungai Ujong Datuk Kelana pula merestui gelaran Datuk Muda, daripada saat Datuk Muda Mohd. Kattas dan pada masa Datuk Muda Mohd. Kattas inilah maknanya Linggi itu, kedudukan, keadaan politik dia cukup kuat. Hampir-hampir Datuk Muda Linggi itu sendiri ibarat kata orang, sudah seminderpendent, sudah separuh merdeka, boleh menjalankan urusan tanpa merujuk Datuk Kelana, itulah kata dalam perbilangan:

Bergajah tunggal bergenting putus,  
Menikam terus, membakar hangus,  
Menggantung tinggi, menggunung mati.

Maknanya dia boleh memutuskan sesuatu, “kata hukum bunuh boleh bunuh”. Pernah pada satu cerita ada Sungai Derhaka, orang menderhaka pada Datuk Linggi, dibunuh dekat Sungai Derhaka itu.

Jamilah : Bagaimana pula bentuk perundingan dan permuafakatan, jika berlaku pertukaran Datuk-Datuk di Linggi itu.

Zaharin : Itu tidak ada perundingan, tidak ada permuafakatan, makna sistem

sudah ada, dia kata,

Besar berketurunan pakaian raja-raja,

Pusaka bergelar pakaian waris.

Seolah-olah sudah ada tiga perut yang bakal menyandang pusaka Datuk Muda Linggi itu, Perut Solok, Perut Hilir dan Perut Pengkalan. Habis Perut Solok, pergi ke Perut Hilir, habis Perut Hilir, perut Pengkalan, tidak ada perebutan. Jadi Tan Sri Datuk Mohd Said, sistem hendak diubahnya, jadi bila sistem hendak diubahnya sudah ramai lagi menjadikan kecaman, menjadi perebutan. Jadi sistem yang ada saya rasa cukup baik. Bila sistem itu suda ada, peraturan sudah ada, mengapa kita hendak bersusah payah, hendak membuat peraturan baru, sistem itu sudah ada, memang cukup lengkap, maknanya tidak payah bergaduh-gaduh lagi, sudah ikut gelaran masing-masing. Tiba gelaran dia bagi kepada dia, jangan hendak mengambil hak orang, dikata dalam kata perbilangan adat:

Hak orang jangan diambil,

Harta orang jangan diusik,

Adat orang jangan dikeji.

Ini hendak mengambil hak orang, tidak dapat hendak marah, itu cerita Tan Sri Datuk Mohd Said bukan orang lain dengan saya, pak saudara saya sendiri. Kita orang Linggi ini bukan orang lain. Pergolakan umpamanya pada suatu masa dulu pernah ditanya di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan, kata Tuanku, “Macam mana ini Datuk? Orang Linggi ini?”. Saya katakan pada Tuanku, patik ini kita orang Linggi ini, dia adik beradik, orang lain tidak boleh campur. Ini

krisis di Linggi, orang lain hendak masuk campur.

Khususnya hari itu, kerajaan sendiri melibatkan diri menghantar menjadi Pengerusi Mesyuarat, ini salah, terkeluar daripada garisan adat istiadat, itu yang saya tentang, saya lawan, pasal untuk menegakkan kebenaran, keputusannya kita mengalah, kita berada di pihak winning side. Saya telah dilantik menjadi Datuk Muda.

Jamilah : Datuk Muda Linggi terletak di atas sekali dalam susunan hairaki orang besar Linggi, bagaimana pula kekuasaan Datuk Kelana Putera Sungai Ujong atas Wilayah Linggi?

Zaharin : Dikatakan tadi mengikut perbilangan dia, Datuk Muda Linggi ini,

Berbapak ke Kelana,  
Beribu ke Bandar.

Maksudnya bapak ini adalah anak angkat kepada Datuk Kelana, jadi anak angkat yang dikasihi oleh Undang, sebab itu kedudukan Datuk Muda Linggi di Sungai Ujong diberi undang,

Dia datang tak berpanggil,  
Dia balek tak bersuruh.

Keistimewaan dia itu tidak macam Datuk-Datuk lain dalam Sungai Ujong, Datuk lain bila tidak datang kena hokum, dia kata “kena dam”, tapi Datuk Muda Linggi,

Datang tak berpanggil,  
Balik tak bersuruh.

Kedudukan dia, dia tidak beradat, dia boleh datang dulu, boleh datang kemudian, boleh balik dulu. Baginya kalau jemput tidak datang pun tidak apa, Datuk Kelana tidak marah dia, pasal sayng datuk Muda Linggi itu. Maklumlah anak ini menjaga kuala, hasilnya dia memungut, fikir sajalah (ketawa), dia mesti jaga kepentingan itu, kalau tidak habis masuk dalam Datuk Muda Linggi punya saku. Ini kuala punya collection, segala cukai-cukai yang dipungut.

Linggi hari ini, yang kita makan itu, bukan duit gaji. Duit peruntukan diraja. Kita sama memerintah Orang Besar, dan Orang Besar Undang. Orang Besar Daerah Port Dickson hari ini yang mempunyai tugas dalam pemungutan. Jadi keistimewaan dia selain daripada itu, dia ini Datuk Muda Linggi kepada Datuk Kelana, kedudukan dia anak angkat kepada Yang DiPertuan Besar Tuanku. Ada Datuk Muda Linggi mempunyai tapak di Sri Menanti sendiri, kerana dia orang Besar DeLapan, jadi di dalam Linggi Datuk Muda boleh memutuskan tanpa merujuk Datuk Kelana, kalau soal adat istiadat, pasal dia bukan bulat-bulat mengikut Adat Perpatih dan pula Datuk Kelana sendiri sudah tidak hendak mencampuri apa-apa hak kerana ini tempat orang, walaupun di bawah naungan dia.

Macam di Malaysia ini kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat tidak boleh campur raja-raja punya kedudukan. Itu keistimewaan dia tetapi walau macam mana pun apa yang patut diketahui oleh kerajaan pusat terpaksa dirujuk juga, pasal perlantikan Datuk Muda Linggi di bawah Undang. Itu kedudukan di punya.

Jamilah : Datuk Mohd Kattas dikatakan tokoh yang paling berwibawa meletakkan Linggi kepada kedudukan yang paling kukuh daripada

pergolakan politik, jadi (batuk) bagaimana kedudukannya perkara ini boleh berlaku?

Zaharin : Mengikut yang saya tahu, semasa Datuk Muda Kattas, situasi kedudukan Linggi cukup bagus, cukup baik dan cukup kukuh terutama dari segi pertahanan orang Linggi itu sendiri kepada angkatan-angkatan yang cuba hendak mencero boh Linggi. Dia dengan kerjasama Datuk Kattas dengan Datuk Kelana Sungai Ujong banyak perkara-perkara terjadi, umpamanya terjadi perkelahian antara Datuk Rembau dengan Datuk Kelana Sungai Ujong, jadi Datuk Linggi itu sebelah Datuk Kelana.

Terjadi peperangan Sayid Saaban, Datuk Mohd Kattas perang dengan Datuk Sayid Saaban, Sayid Saaban itu keturunan yang memerintah Tampin, Sayid Saaban ini maknanya cuba hendak mengacau, menggugat kawasan itu, tetapi Insyaallah dengan adanya kekuatan Datuk Kattas, Sayid Saaban dapat dikalahkan. Di situlah kedudukan Mohd Kattas, boleh dianggap maknanya kuat, dan Datuk Kelana sendiri tidak dapat hendak menidakkan kekuatan atau kuasa Datuk Kattas itu, kerana boleh menolong dia mengalahkan Sayid Saaban.

Jamilah : Bagaimana pula sekarang penerimaan masyarakat Linggi tentang adat yang ada, adakah persoalan ini telah selesai?

Zaharin : Sebenarnya, perkara ini sudah pun selesai, tetapi yang sudah selesai tetap selesai yang tidak puas hati tetap tidak puas hati juga. Macam hari ini umpamanya, tidak semua orang sukakan Mahathir. Macam di Linggi itu begitu juga, tetapi peraturan tetap peraturan. Tidak semua orang sukakan Yang DiPertuan, tetapi oleh kerana keadaan, terpaksa juga hendak dipertuankan yang DiPertuan itu pasal

Undang sendiri pun, walaupun dia boleh memilih Yang DiPertuan tetapi dia masih duduk di bawah Yang DiPertuan, tidak boleh buat apa-apa. Jadi, pada keseluruhannya, kalau ikut peraturan keadaan maknanya puas hatilah, benda itu berjalan lancar, tidak ada apa-apa pergolakan berlaku, tidak ada pergaduhan setelah dilantiknya saya sebagai Datuk Muda Linggi.

Jamilah : Jadi saya ingin tahu macam mana persoalan yang dikatakan bahawa Datuk ini belum begitu stabil kedudukannya?

Zaharin : Itu masalah dia, jadi saya ini Datuk Muda Linggi sebagaimana yang dikatakan juga, Orang Besar Daerah, ikut adat istiadat, kedudukan saya secara rasminya Tuan Pegawai Daerah masih di bawah saya. Saya Ketua Agama dan Ketua Adat dan pula saya ini adalah salah seorang Besar daerah ini, dia maknanya tidak makan gaji. Dia ini salah seorang Orang Besar yang memerintah, juga di bawah Sungai Ujong, Orang Besar Undang.

Kedudukan dia itu maknanya yang dimakan, peruntukan-peruntukan diraja, sama juga pemakan yang didapati oleh Yang DiPertuan atau Undang yang empat itu, tapi yang saya dukacitakan pada hari ini yang berlaku peraturan,

Hati gajah sama dilapah,  
Hati kuman sama dicecah,

Tidak berlaku dalam Negeri Sembilan, yang saya sedihkan hari ini umpamanya, kenaikan elaun peruntukan diraja itu, kalau ikut peraturan betul, maknanya kalau naik sama-sama naiklah, tapi yang berlaku pada hari ini, dia saja naik, group yang atas yang dikatakan daerah keadilan dan anggota saja yang naik, sedangkan kami



Datuk-Datuk di bawah langsung tidak pertimbangkan nasibnya. Ini tidak boleh. Kalau saya sentuh secara topik, banyak yang tersinggung khususnya orang-orang besar yang memerintah, tapi ini hak saya untuk bercakap. Ini saya suarakan maknanya bukan untuk saya, untuk kepentingan orang sesusah saya, untuk kerana masyarakat, untuk kerana negeri atau Negara, pasal sistem kita demokrasi, kita,

Bulat anak menjadikan Buapak,  
Bulat Buapak menjadikan Lembaga,  
Bulat Lembaga menjadikan Undang,  
Bulat Undang menjadikan Negara.

Dia mesti hendak jaga yang bawah, kerajaan hari ini iaitu kerajaan Malaysia dia daripada rakyat, orang cuma dipilih oleh rakyat, mewakili, jadi orang yang duduk di tempat ini tentulah dipertimbangkan nasib dia. Ini yang saya tengah perjuangkan ari ini.

Kalau kira-kira ikut peraturan dulu-dulu, Datuk-Datuk Muda Linggi \$380.00. Begitu begini katalah \$190.00, bagi dua, separuh elaun itu dibagi kepada Datuk lain, separuh Datuk Muda Linggi. \$190.00 ini sebelum British, masa itu cikgu masih \$36.00 gajinya, itulah keadaan pada hari itu. Jika hari ini tengok Tuanku, itu saya tidak boleh sentuh, benda ini sudah sulit. Kalau dibandingkan beratus-ratus kali ganda, bukan berpuluh-puluh kali ganda, beratus-ratus kali ganda termasuk Undang Yang Empat, segala kemudahan, tetapi yang dia tidak tahu, benda ini ada bertingkat-tingkat. Patutnya kalau atas naik, bawah terpaksa naik, “imbang”, ini yang tidak puas hati rakyat. Satu hari tidak tahulah, mungkin benda ini akan berlaku, maknanya ketidakstabilan pasal hak kita ini, kita

tidak dapat menerimanya.

Jamilah : Jadi Atuk, di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung, di aman negeri ditunggu di situ adat dipakai. Adakah unsure ini yang membawa keharmonian dan kemakmuran di Linggi dari awal hingga masa kini?

Zaharin : Saya juga menyetujui, jadi benda ini memanglah bukan kita sahaja yang memakai pepatah itu, sedangkan orang barat juga dipakai pepatah itu, diimbangkan dikata,

When you in Rome,  
You must do what the Romens do.

Jangan pula hendak duduk tempat orang, macam orang-orang Cina di Malaysia pada hari ini, hendak duduk Malaysia, mesti jadi rakyat Malaysia, kalau tidak balik ke negeri China. Macam itu juga orang-orang Bugis, kata dia serta merta Bugis, dia duduk di mana? Dalam luak Sungai Ujong, terpaksa ikut peraturan-peraturan di situ. Inilah yang telah beberapa tahun hingga ke hari ini dan suda merdeka, tetap peraturan itu yang kita laksanakan, ada harmoni, ada kebaikan, banyak orang adat itu yang sudah terbuka seperti Tan Sri Samad Idris yang melaksanakan sistem sebagaimana yang saya katakana tadi. Pasal kalau sudah diimbangkan sistem Adat Perpatih itu cukup cantik, dia kata,

Telentang sama menadah ke langit,  
Tertiarap sama menelan pasir,  
Kalau ke gunung sama didaki,  
Kalau ke luar sama dituruni,  
Ke laut sama direnangi,

Hati gajah sama dilapah,  
Hati kuman sama dicicah.

Ini hati gajah dibantai dua tiga orang, hati kuman kita hendak cicah pun tidak dapat. Ini cerita dia. Dia kata dasar masyarakat adil, boleh dikata kerajaan, mana ada keadilan. Walhal dari segi adat sudah menang, syarak lebih-lebih lagi.

Kalau syarak bersendikan hokum, hokum bersendikan kitabullah, syarak mengata adat menurut. Apa kata Tok Imam, “Innallah hal yak muru bil adli wal insan”. Surah adil, mana ada keadilan. Ini yang kita perjuangkan. Walau macam mana, adat itu dia balik ke agama, maknanya kalau muafakat hilang adat,

Bulat air kerana pembentung,  
Bulat kata kerana muafakat.  
Raja adat, kedua muafakat maknanya kita hendak sesuai sahaja, iaitu ada kestabilan, itu yang saya katakana,

Hokum adil berkata benar,  
Tidak boleh diperhebatkan.

Hokum adil hendaklah dijalankan, ini mana ada keadilan. Kita hendak mencicah hati kuman pun tidak dapat. Itu yang penting.

Jamilah : Jadi Datuk, sekian saja wawancara kita pagi ini dan saya mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan yang amat berharga ini. Akhirnya saya sudahi dengan ucapan assalamualaikum w.b.t.

Zaharin : Ya, terima kasih.

## SINOPSIS

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meninjau secara lebih tepat kedudukan sejarah Linggi dan persoalan yang berkaitan dengan bidang itu di samping juga untuk menyempurnakan kerja tugas kursus (ME3173 – Sejarah Lisan).

Tumpuan utama kajian ini ialah meninjau sejarah awal penubuhan Kampung Linggi itu, persoalan Adat Linggi dan sistem politik penduduknya dari abad ke 19 hingga kini. Dalam masa ini, pengkaji telah dapat mengatasi beberapa persoalan yang selama ini menjadi tanda Tanya kepada kebanyakan kenyataan sejarah mengenai Kampung Linggi ini, umpamanya dari maklumat yang diperolehi dari informan sendiri Kampung Linggi ini telah dibuka pada tahun 1796 atau hijrah 1214 oleh Datuk Lebai Dolmand an bukannya Datuk Awaluddin dan Tok Serilah.

Kampung Linggi juga mempunyai adatnya yang tersendiri yang dinamakan Adat Linggi yang dikatakan merangkumi antara kedua-dua adat Temenggung dan juga Perpatih. Kesimpulannya Adat Linggi ini mempunyai sistemnya yang tersendiri yang tidak keperpatihan dan tidak ketemenggungan tetapi berada di bawah lingkungan kawasan tersebut.

Dari sudut politik Kampung Linggi ini juga mempunyai sistemnya yang tersendiri yang berbeza dengan wilayah Negeri Sembilan yang lain. Kampung Linggi ini mempunyai seorang Datuk Muda yang menjadi ketua pentadbir dan enam orang lagi datuk-datuk lain yang menjadi pembantu kepada Datuk Muda ini.

## Latar belakang dan skop kajian

Kedudukan Kampung Linggi ini adalah di kuala sungai Linggi yang merupakan pertempatan yang terakhir dari kampung-kampung Tampin Linggi, Linggi. Pengkalan Kempas, Pengkalan Durian, Pengkalan Kundang dan Simpang Linggi.

Kampung Linggi ini adalah berbeza dengan nama Linggi awal yang telah pun muncul dalam sejarah kira-kira pada tahun 1715 atau TH 1128. Linggi awal ini tidak mempunyai persambungan sejarah yang terus menerus dengan Linggi sekarang ini. Linggi yang dikaji ini adalah Linggi yang wujud pada hari ini dan dikatakan telah memainkan peranan yang penting terutamanya dalam abad ke 19.

Kajian hanya ditumpukan kepada bidang penyelesaian tarikh sebenar Kampung Linggi ini dibuka, siapa yang telah benar-benar bertanggungjawab membuka kampung Linggi itu, unsur-unsur yang terkandung dalam Adat Linggi itu dan juga cuba juga meninjau bagaimana dikatakan kedudukan Datuk Muda di Linggi kini tidak diterima oleh kebanyakan rakyat malah ada setengah golongan yang cuba pula hendak mengubah kedudukan Adat Linggi dan menidakkan peranan Datuk Muda yang wujud hari ini. Segala persoalan ini telah dapat di analisa dan sudah sewajarnya pada pendapat pengkaji kedudukan Datuk Muda Linggi itu diiktiraf peranannya dalam pemerintahan di tempatnya sebagaimana juga peranan Undang Yang Empat itu.

## **Masalah Kajian**

Walaupun kajian ini mencakupi tajuk yang luas tetapi ianya hanya dapat dipenuhi dengan secara ringkas sahaja dan insyaallah, andainya mempunyai peluang ianya akan diperlanjutkan lagi. Jadi di sini, pengkaji hanya dapat menjawab beberapa persoalan seperti bila tarikh sebenar Kampung Linggi ini dibuka, siapa yang telah membukanya, Adat Linggi dan kandungannya, juga masalah politik Linggi. Oleh itu di sini pengkaji hanya dapat memenuhi seorang informan sahaja jadi sudah tentu ianya belum mencukupi untuk menguatkan lagi kenyataan dan kebenaran sejarahnya.

Ini kerana untuk mendapatkan kepastian pengkaji seharusnya menemui beberapa orang informan lain yang mengetahui hal ini dan meminta pendapatnya. Walau bagaimana pun apa yang pengkaji dapati dari wawancara dengan pengisah tidaklah banyak percanggahannya dengan kebanyakan kenyataan yang terdapat di dalam buku-buku sejarah yang telah pun diterbitkan oleh penulis-penulis Barat seperti Wilkinson.

JABATAN SEJARAH,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,  
BANGI, SELANGOR

**SENARAI KANDUNGAN RAKAMAN**

**TAPE (1)**

PENGKESAH : DATUK ZAHARIN BIN HJ. MAULUD  
ALAMAT : KAMPUNG PENGKALAN DURIAN, LINGGI  
PEKERJAAN : BERNIAGA  
TARIKH WAWANCARA : 1 APRIL 1984 JAM : 11 PAGI  
JANGKAMSA : 11/4 JAM SESSI : PERTAMA  
TEMPAT : 15/5 SETAPAK JAYA KUALA LUMPUR  
TAJUK WAWANCARA : SEJARAH LINGGI : PENUBUHAN,  
PERSOALAN ADAT DAN SISTEM POLITIK  
PENDUDUKNYA PADA PERSEKITARAN  
ABAD KE 19 HINGGA ABAD INI  
INTERVIEWER : JAMILAH BARON  
ORANG LAIN YANG HADIR : DAUD HASSAN

---

MIN

- 1) Bila tarikh sebenar Kampung Linggi ini telah dibuka?
- 5) Siapakah yang mula-mula membuka Kampung Linggi ini?
- 6) Kenapa kampung ini dinamakan Kampung Linggi?
- 7) Bagaimana kampung ini mampu mewujudkan sebuah penempatan yang diiktiraf oleh Sungai Ujung dan Rembau?

**PERSOALAN ADAT**

- 5) Bagaimana kedudukan sistem adat Linggi yang sebenar?
- 6) Bagaimana hal pembahagian pusaka dan penyelesaian masalah?
- 7) Bagaimana pula dari sudut pertuturan dan gaya hidup?

- 8) Bagaimana kedudukan beribu ke Rembau dan berpapak ke Sungai Ujong?

## **SISTEM POLITIK**

- 7) Huraian bagaimana adat boleh mewujudkan institusi yang tersendiri?
- 8) Kedudukan institusi politik Linggi dan fungsi tiap-tiap satu.
- 9) Cara pelantikan orang-orang besar di Linggi.
- 10) Bagaimana gelaran Datuk Linggi bertukar kepada Datuk Muda Linggi?
- 11) Huraian tentang kontroversi kedudukan Datuk Muda Linggi pada hari ini yang sedang diperjuangkan.
- 12) Kedudukan masyarakat di Linggi masa kini tentang sistem yang sedia ada.